

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 137

Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor yang menyebabkan kadar pemberian Bantuan Sara Hidup kepada individu bujang diberikan hanya sebanyak RM100 sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Kerajaan bersetuju membuat bayaran RM100 *one-off* kepada setiap individu yang berdaftar di bawah kategori bujang dalam pangkalan data BSH 2018. Bayaran tersebut telah dibuat pada hujung bulan Mac 2019 dan memanfaatkan lebih daripada 3 juta individu dan melibatkan peruntukan hampir RM300 juta. Bayaran tersebut telah ditentukan bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Memandangkan 67% atau 2 juta penerima kategori individu BSH berumur di antara 21 hingga 30 tahun, program-program pembangunan sumber manusia disediakan oleh Kerajaan, antaranya program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Program TVET dilaksanakan di bawah pelbagai kementerian. Untuk 2019, bagi menjalankan program latihan TVET peruntukan belanja mengurus disediakan di bawah Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM504.6 juta, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebanyak RM479.7 juta dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebanyak RM213.9 juta. Di samping itu, dalam Belanjawan 2019, Dana Wibawa TVET sebanyak RM30 juta telah diperkenalkan bagi menggalakkan institusi latihan awam bersaing untuk menawarkan program latihan yang lebih kompetitif dan memenuhi keperluan industri, dengan jaminan pekerjaan kepada graduan. Di samping itu, peruntukan RM20 juta juga

NO SOALAN : 137

disediakan bagi meningkatkan kompetensi belia melalui Program *Bootcamp* berkaitan TVET.

Bagi meningkatkan latihan kemahiran belia lepasan sekolah dan kebolehpasaran graduan, Kerajaan juga akan melaksanakan dua (2) program yang dibiayai melalui dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) iaitu *Apprenticeship* dan *Graduate Enhancement Programme for Employability* (GENERATE). Program ini dijangka akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi seramai 4,000 orang belia lepasan sekolah dan graduan dengan peruntukan RM20 juta berbentuk geran sepadan.